

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EBIN [RANAU]

TARIKH : 4.11.2015

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) berapa banyakkah sekolah yang mengalami kerosakan akibat gegaran gempa bumi di negeri Sabah serta jumlah kos pembaikan yang terlibat; dan
- (b) bilakah kerja-kerja membaik pulih Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau dan Sekolah Menengah Agama (SMKA) Mohd Ali Ranau akan dijalankan serta jumlah kos terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berdasarkan maklumat sehingga Ogos 2015, sebanyak 88 buah sekolah terjejas akibat gegaran gempa bumi di negeri Sabah. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk kerja pembaikan di 45 buah sekolah.
- b) Kerja membaik pulih bagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau dengan kos sebanyak RM500 ribu masih dalam

pelaksanaan dan dijadualkan siap pada hujung Oktober 2015, manakala kerja pembaikan di Sekolah Menengah Agama (SMKA) Mohd Ali, Ranau dengan kos sebanyak RM180 ribu telah pun siap dilaksanakan pada September 2015.

RJM31